



## MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

### JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Negeri Melaka yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan berikut:-

BIL	JAWATAN	JADUAL GAJI	KENAIKAN GAJI TAHUNAN	BIL KEKOSONGAN
1.	PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29	RM 1,549.00 – RM 5,701.00 ITKA - RM 160.00 ITP - RM 300.00 BANTUAN SARA HIDUP - RM 250.00	RM 145.00	1 (TETAP)

B. SYARAT LANTIKAN :

#### JAWATAN 1 – PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
  - (ii) Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02)
2. **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**  
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. **Syarat Tambahan**  
Calon perlu mahir / menguasai Autocad, Sketch Up dan Photoshop
4. Taraf Jawatan : Tetap (1 Kekosongan)
5. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
6. Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

**C. CARA-CARA MEMOHON :**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Alor Gajah yang boleh didapati melalui laman web MPAG <http://www.mpag.gov.my>
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil-sijil persekolahan, kad pengenalan, sijil kelahiran, gambar terkini berukuran pasport serta lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan.
3. Ijazah/Diploma/Sijil yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh disemak menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/.semakan.php>. Manakala Program yang diberi pengiktirafan Kerajaan mulai Januari 2017, semakan boleh dibuat di Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysia Qualifications Register, MQR) melalui capaian <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> dan melampirkannya bersama borang permohonan.
4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat (Tetap dan Kontrak) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi disertakan bersama.
5. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dikirim atau datang sendiri ke Majlis Perbandaran Alor Gajah seperti alamat berikut :-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
JALAN DATO' DOL SAID  
78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

**D. TARIKH IKLAN DIBUKA : 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

**TARIKH IKLAN DITUTUP : 12 NOVEMBER 2018 (ISNIN)**

**E. CATATAN AM :**

1. Hanya calon-calon yang berkelayakan selepas ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
3. Pihak Majlis Perbandaran Alor Gajah berhak memilih mana-mana calon yang difikirkan layak dan bersesuaian. Keputusan adalah **muktamad**.
4. Keutamaan akan diberikan kepada **calon yang mempunyai kemahiran dan berpengalaman dengan jawatan yang dipohon**.
5. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

Pengesahan Iklan:

**ZAMZURI BIN ARIFIN  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Alor Gajah**